

## **Perkasa kemuka resolusi bantah perhimpunan haram Bersih 3.0**

### **Utusan Online**

**14 Mei, 2012**

TAWAU 13 Mei - Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) hari ini sebulat suara meluluskan satu resolusi merangkumi tujuh perkara yang perlu diambil perhatian dan tindakan serius oleh kerajaan.

Resolusi yang menentang keras penganjuran Bersih 3.0 itu dibacakan oleh Yang Dipertua Perkasa Sabah, Datuk Seri Jefry Osman sempena perhimpunan Perkasa Sabah di Dewan Masyarakat Tawau di sini hari ini.

Hadir sama, Presiden Perkasa, Datuk Ibrahim Ali; Timbalan Presiden Perkasa, Datuk Abdul Rahman Bakar; Setiausaha Agung Perkasa, Syed Hassan Syed Ali dan Ahli Majlis Tertinggi Perkasa, Leftenan Jeneral (B) Datuk Mohd. Salleh Jamil.

Resolusi yang dibentangkan di hadapan kira-kira 3,000 ahli Perkasa itu antara lain mendesak kerajaan segera mengambil tindakan menahan dan mendakwa Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang memberi arahan kepada peserta Bersih 3.0 supaya merempuh anggota polis.

Antara intipati-intipati resolusi itu ialah:

n Segera menahan dan mendakwa Pengerusi Bersih 3.0, Datuk S. Ambiga kerana telah melanggar syarat-syarat berhimpun hingga berlaku keganasan terhadap anggota polis.

n Segera menyiasat kemasukan dana asing yang dipercayai menaja Bersih 3.0 daripada terus digunakan pihak-pihak tertentu bagi tujuan menghuru-harakan negara dan menjatuhkan kerajaan dengan cara yang salah.

n Jangan lagi benarkan penganjuran Bersih pada masa akan datang kerana terbukti ia banyak menyebabkan kerugian kepada pemandu teksi, peniaga kecil dan sebagainya termasuk menyebabkan kesesakan lalu lintas.

n Menggesa kerajaan membatalkan penubuhan Majlis Peguam Malaysia yang jelas terpesong daripada matlamat penubuhannya kerana didakwa sering menghasut rakyat Malaysia yang boleh mencetuskan suasana tegang antara kaum.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0514&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_07.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0514&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_07.htm)